

**HAKIM BESAR MALAYA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA
PUTRAJAYA**



**CHIEF JUDGE OF MALAYA
FEDERAL COURT
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

YA Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Malaya

Hakim Mahkamah Sesyen
Semenanjung Malaysia

Timbalan Pendaftar/ Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya

Majistret
Semenanjung Malaysia

ARAHAN AMALAN HAKIM BESAR MALAYA BIL. 1 TAHUN 2008

MAHKAMAH TINGGI MALAYA Pendaftaran Kes-Kes Muamalat di Mahkamah (Penambahan Kod Pengklasan)

Lanjutan dari perkembangan pesat kes-kes Muamalat yang berhubung dengan undang-undang Perbankan dan Kewangan Islam, maka mulai 1 April 2008, semua kes-kes Muamalat hendaklah didaftar menurut kod pengklasan seperti berikut :-

Perkara	Kod
a) Rayuan Sivil dari Mahkamah Majistret ke Mahkamah Tinggi	11 A
b) Rayuan Sivil dari Mahkamah Sesyen ke Mahkamah Tinggi	12 A
c) Semua tindakan yang difailkan di Mahkamah Tinggi dimulakan dengan Menggunakan kod-kod berikut	
i. Writ Saman -	22 A
ii. Saman Pemula -	24 A
iii. Usul Pemula -	25 A
iv. Petisyen Pemula -	26 A



- | | | |
|----|---|------|
| d) | Semua tindakan yang difailkan di Mahkamah Sesyen | 52 A |
| e) | Semua tindakan yang difailkan di Mahkamah Majistret Kelas Pertama | 72 A |
| f) | Semua tindakan yang difailkan di Mahkamah Majistret Kelas Dua | 93 A |

2) **Pengagihan kes Kod 22A, 24A, 25A, 26A di Mahkamah Tinggi**

Semua kes-kes di bawah kod 22A, 24A, 25A, 26A, yang difailkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur hendaklah didaftar dan didengar di Mahkamah Tinggi Dagang Empat (4).

Bagi Mahkamah Tinggi di negeri-negeri lain, cara pengagihan kes yang diamalkan sekarang dikekalkan tanpa sebarang pindaan.

3) **Pengagihan kes di Mahkamah Sesyen, Majistret dan Majistret Kelas Dua**

Bagi Mahkamah Sesyen, Majistret dan Majistret Kelas Dua, cara pengagihan kes yang diamalkan sekarang dikekalkan tanpa sebarang pindaan.

4) **Kes-kes semasa yang menunggu perbicaraan di Mahkamah**

Apabila sesuatu kes itu tiba giliran untuk dibicarakan atau untuk pengurusan kes, kod baru hendaklah dicatitkan kepada nombor kes yang sedia ada tanpa mengubah nombor asalnya, sebagai contoh bagi kes-kes writ saman di Mahkamah Tinggi di negeri-negeri lain dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, S1-22-789-2002 dijadikan S1-22A-789-2002 dan begitulah seterusnya.

Bagi kes-kes di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, memandangkan semua kes-kes Muamalat perlu didaftar dan didengar di Mahkamah Tinggi Dagang 4, maka nombor mahkamah juga perlu dipinda, sebagai contoh kes S1-22-789-2002 dipinda kepada D4 (S1)-22 A-789-2002 dan seterusnya.

Arahan terdahulu dari ini iaitu Arahan Amalan No 1 Tahun 2003 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian.



(DATO' ALAUDDIN BIN DATO' MOHD SHERIFF)

Hakim Besar Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya
6.3.2008

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Y.A.A. Hakim Besar Sabah & Sarawak
Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak
Kuching
Sarawak

Ketua Pendaftar
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak
Kuching
Sarawak

Bahagian Penyelidikan & Tugas-Tugas Khas
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pustakawan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Majlis Peguam Malaysia
Kuala Lumpur